

UNTUK SIARAN SEGERA

Unit '*Sustainable Energy*' SEDANIA memenangi anugerah ESG

Sorotan Utama:

- Dianugerahkan pengiktirafan di bawah kategori Kecekapan Tenaga di The ESG Positive Impact Awards; anugerah mengiktiraf keupayaan dan rekod prestasi SEDANIA Technologies dalam membolehkan kelestarian tenaga di seluruh Malaysia

KUALA LUMPUR, JUNE 12 2023 - SEDANIA Innovator Berhad ("SEDANIA" atau "Kumpulan") dengan bangganya mengumumkan bahawa anak syarikat '*Sustainable Energy*' SEDANIA Technologies Sdn Bhd ("SEDANIA Technologies") telah diiktiraf sebagai syarikat Kecekapan Tenaga terbaik.

SEDANIA Technologies memenangi anugerah Emas di bawah kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) / syarikat 'Mid-Tier' bagi Anugerah *ESG Positive Impact Awards*.

Penghargaan ini mengiktiraf SEDANIA Technologies sebagai sebuah organisasi yang telah menunjukkan kecekapan tenaga dan keupayaan penjimatan tenaga sepanjang rantai bekalan dan nilainya, dengan fokus khususnya kepada inovasi.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA Daniel Ruppert berkata, "Kami berbesar hati untuk memenangi anugerah ini yang mengesahkan keupayaan dan rekod prestasi anak syarikat '*Sustainable Energy*' kami dalam memacu Malaysia ke arah mencapai kelestarian pada skala yang lebih luas dan mengurangkan pelepasan karbon.

"Keupayaan unik dan serba boleh SEDANIA dalam menyediakan kecekapan tenaga, pengurusan tenaga, serta penyelesaian tenaga boleh diperbaharui mewakili gabungan yang memaksimumkan laluan pelanggan kami ke arah kelestarian tenaga penuh.

Beliau menambah bahawa setakat ini, usaha berterusan SEDANIA menguruskan kira-kira 72 Gigawatt-Jam tenaga dengan mengubah suai lebih 400 bangunan memuncak kepada penjimatan elektrik sebanyak 107 Gigawatt-Jam.

Ini mengelakkan kira-kira 74,000 tan pelepasan karbon, yang juga bersamaan dengan menanam 1.2 juta pokok baharu.



“Kami bersedia untuk melengkapkan saluran sihat projek ‘*Sustainable Energy*’ yang akan dilaksanakan untuk pelanggan sedia ada dan memainkan peranan yang lebih besar dalam meningkatkan kedudukan kelestarian Malaysia dengan melaksanakan lebih banyak projek daripada pelbagai industri yang berbeza. Di samping itu, kami juga sedang meneroka kemungkinan mempelbagaikan saluran projek melalui jenis perniagaan lain seperti PKS,” kata Ruppert.

Projek ‘*Sustainable Energy*’ SEDANIA termasuk kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang direka, dibiayai, dipasang dan diselenggara untuk pelanggannya.

Kebanyakan projek ini dilaksanakan berdasarkan model ‘*zero CAPEX*’ (sifar perbelanjaan modal) di mana SEDANIA menanggung semua kos dan risiko awal manakala sebaliknya, pelanggan akan diinvois setiap bulan sepanjang tempoh kontrak sebahagian daripada pengurangan tenaga yang dicapai.

Rekod prestasi projek syarikat di Malaysia merangkumi bank, syarikat berkaitan kerajaan yang ditubuhkan, serta syarikat besar terkemuka.

Anugerah *ESG Positive Impact Awards* diperkenalkan untuk mengiktiraf peralihan pesat seluruh dunia ke arah mengutamakan matlamat kelestarian, yang telah membawa kepada peningkatan kepentingan penggunaan prinsip ESG untuk perniagaan kekal berdaya saing di peringkat serantau dan global.

Anugerah tersebut memberi semua organisasi Malaysia peluang besar untuk menerima dan mempamerkan amalan ESG yang teladan dalam model perniagaan mereka, serta memperoleh akses pasaran yang lebih baik dalam jangka panjang.

– Tamat –

Mengenai SEDANIA Technologies Sdn Bhd

SEDANIA Technologies Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh SEDANIA Innovator Berhad, berdedikasi terhadap agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dengan membolehkan organisasi mengurangkan jejak karbon mereka.

Ia memainkan peranan sebagai pemboleh kelestarian untuk syarikat dengan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui untuk bangunan pelanggan korporatnya. Gabungan ini membolehkan SEDANIA mengubah pelanggannya kepada operasi lestari tenaga 100%.

SEDANIA Technologies menyerlah melalui model perkongsian keuntungan model ‘*zero CAPEX*’ (sifar perbelanjaan modal) yang dipanggil Kontrak Prestasi Tenaga (EPC), mekanisme pembiayaan alternatif yang ditawarkan kepada pelanggan korporat di mana teknologi hijau dibiayai melalui pengurangan kos di masa hadapan.



Dengan rekod prestasi yang kukuh dalam industri kewangan, telekomunikasi dan pembuatan, penyelesaian tenaga hijau telah menjimatkan lebih 100 gigawatt-jam dan sekitar RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan kami.

Log masuk ke www.sedaniainnovator.com/sustainable-energy-services untuk mengetahui lebih lanjut tentang keupayaan '*Sustainable Energy*'.

Mengenai Sedania Innovator Berhad

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penjenaraiannya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan memupuk kehidupan yang lebih inklusif dan lestari untuk masyarakat.

SEDANIA membolehkan kelestarian untuk organisasi dengan melabur, membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian tenaga hijau SEDANIA telah menjimatkan lebih 100 gigawatt-jam dan sekitar RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan korporatnya.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk bayi organik premium yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk premium dan lestari buatan Australia dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui beberapa kedai runcit di lebih 25 negara di seluruh dunia.

Menerusi anak syarikatnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, SEDANIA turut memainkan peranan dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital setelah memperkasakan hampir 95 institusi kewangan dengan pelbagai penyelesaian Fintech termasuk Platform Komoditi Digital berasaskan API yang dipatenkan. Selain itu, ia memperkasakan rangkuman kewangan dalam kalangan masyarakat melalui Program Pembiayaan GoHalal dan platform hibah digital lengkap yang memudahkan perancangan harta pusaka Islam.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.

Log masuk ke www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121620 / +6017 2407881
Emel: media@sedaniainnovator.com